

1981

KUALA LUMPUR, 11 NOV. (BERNAMA) -- PARA MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI TELAH DIARAHKAN OLEH PERDANA MENTERI SUPAYA TIDAK MENGGUNAKAN CERMIN GELAP PADA KENDERAAN MASING-MASING WALAUPUN PERATURAN YANG ADA MEMBENARKAN MEREKA BERBUAT DEMIKIAN.

TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN, DATUK ABU HASSAN HAJI OMAR MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI BAHAWA DI BAWAH UNDANG-UNDANG BERKENAAN, ORANG-ORANG KENAMAAN YANG DIKECUALIKAN DARIPADA LARANGAN PENGGUNAAN JENIS-JENIS KACA TERTENTU ITU TERMASUK YANG DI-PERTUAN AGONG, RAJA-RAJA, YANG DI PERTUA NEGERI, MENTERI-MENTERI, MENTERI BESAR/KETUA MENTERI, HAKIM-HAKIM DAN PEGAWAI-PEGAWAI POLIS DAN TENTERA YANG DITENTUKAN OLEH KETUA POLIS NEGARA DAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA.

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK CHAN TECK CHAN (BN-KOTA MELAKA) BELIAU MEMBERI TAHU BAHAWA SEHINGGA OGOS LALU, 155 ORANG PEMILIK KENDERAAN TELAH DIAMBIL TINDAKAN BERHUBUNG DENGAN KESALAHAN DI BAWAH PERATURAN TERSEBUT.

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK AZHARUL ABIDIN HAJI ABDUL RAHIM (BN-BATANG PADANG) BELIAU BERKATA KAEDAH-KAEDAH UNDANG-UNDANG ITU MELARANG CERMIN KENDERAAN DIGELAPKAN HINGGA MENYEKAT PANCARAN CAHAYA KURANG DARI 70 PERATUS.

BAGAIMANAPUN TINDAKAN YANG DIAMBIL SELAMA INI TIALAH KEATAS KENDERAAN-KENDERAAN YANG MEMPUNYAI CERMIN YANG TERLALU GELAP SAHAJA. -- BERNAMA 1640/SZ